



IKRAR..... Geoffrey Harvey Tanakinjal (tiga kanan) mengetuai Majlis Melafaz Ikrar Bebas Rasuah peringkat UMSKAL. Turut kelihatan Geoffrey Tawayan (dua kiri).



SAKSIKAN.... Geoffrey Harvey Tanakinjal (berdiri kiri) dan Geoffrey Tawayan menyaksikan Zamri (duduk kiri) dan Hanudin menandatangani IBR di Bilik Kuliah Podium D UMSKAL.

## Warga UMSKAL Ikrar Bebas Rasuah

NST 19.10.17 4

LABUAN: Timbalan Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal mengetuai Majlis Melafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bersama warga UMSKAL di Bilik Kuliah, Podium D, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Majlis disaksikan Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Wilayah Persekutuan Labuan, Penguasa Kanan Geoffrey Tawayan.

Geoffrey Harvey Tanakinjal menyifatkan tindakan itu sebagai tanda komitmen pengurusan UMSKAL dalam menazahirkan pentadbiran yang telus dan bebas dari rasuah serta penyalahgunaan kuasa.

"Ikrar ini merupakan salah satu daripada kerjasama strategik yang dirangka antara pengurusan UMSKAL dan SPRM bagi tujuan membendung serta memperkukuhkan undang-undang terhadap mana-mana individu yang terlibat dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

"Kami menjunjung tanggungjawab serta akauntabiliti bagi menjauhi rasuah. Dalam masa sama, ikrar ini juga mem-

perlihatkan keikhlasan, komitmen kerja serta keinginan kami untuk berkhidmat dalam suasana kerja yang kondusif demi menjalankan tanggungjawab dan amanah kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Mur-nizam Haji Halik berucap sebelum mengetuai bacaan ikrar tersebut di Bilik Kuliah Podium D, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Turut melafaz dan menandatangani IBR ialah Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Hanudin Amin, Timbalan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Dr Zamhar Iswandono Awang Ismail dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah.

Ketua-ketua Sektor UMSKAL turut menandatangani IBR sambil disaksikan Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Geoffrey Tawayan.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pensyarah, Pegawai dan Kakitangan UMSKAL.

Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh kepimpinan dan warga universiti dalam menandatangani Ikrar Bebas Ra-

suah ini juga, turut membuktikan usaha membanteras dan memerangi rasuah bukanlah tanggungjawab eksekutif SPRM semata-mata, tetapi sebaliknya ia merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya di kalangan warga yang berkhidmat di UMSKAL, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Sementara itu, Geoffrey Tawayan yang mewakili Pengarah SPRM Labuan, Abdulamin Abdullah memuji langkah diambil UMSKAL dalam menandatangani ikrar tersebut dengan menyifatkannya sebagai langkah ke depan dalam membasmi rasuah.

"Inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan pengurusan UMSKAL bagi memastikan pentadbirannya dilaksanakan dengan lebih telus serta bebas daripada sebarang salah guna kuasa dan rasuah.

"SPRM berharap inisiatif ini dapat memelihara dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap SPRM serta UMSKAL dalam usaha berterusan membentuk pentadbiran yang bebas dari unsur negatif tersebut," katanya. -OLEH JAIN-UDIN DJIMIN